# 11 • Pengantarabangsaan



Keunggulan global merupakan salah satu lonjakan pemangkin dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Justeru, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan visinya iaitu 'Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa ' perlu menyerlah dan memperkukuhkan kerjasama dan usahasamanya dengan organisasi dan institusi antarabangsa, serta memperkayakan pengalaman pelajar-pelajarnya dengan penglibatan di dalam program-program di peringkat antarabangsa.

## 11.1 PELAJAR ANTARABANGSA

### Enrolmen Pelajar mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda

Bagi Sidang Akademik 2018/2019, seramai 56 orang daripada 13 negara telah berdaftar untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda, berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 95 orang. Enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa adalah seramai 380 orang terdiri daripada 371 orang lelaki (97.6%) dan 9 orang perempuan (2.4%).

### Enrolmen Pelajar mengikuti Kursus Bahasa Inggeris Intensif (IEC)

Untuk tahun 2018, seramai 41 orang pelajar antarabangsa telah berdaftar bagi mengikut kursus pendek ini yang berdaftar pada ambilan April 2018. Pelajar lelaki masih merupakan kelompok terbesar yang berdaftar iaitu sebanyak 99%.

### Enrolmen Pelajar mengikuti Program Pasca-siswazah

Tahun 2018 menunjukkan peningkatan kecil enrolmen pelajar antarabangsa pasca-siswazah sebanyak 1530 orang berbanding enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2017 ialah seramai 1515 orang bagi program Doktor Falsafah, Sarjana Sains (Mod Penyelidikan), Sarjana Sains (Mod Campuran) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan.

## 11.2 STAF ANTARABANGSA

Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 19 orang bagi tahun 2019(sehingga 15 April 2019) berbanding 24 orang pada tahun 2018. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah tiga (3) dari Indonesia, dua(2) dari Myanmar, dua (2) dari Thailand, dua dari (2) India,satu(1) dari Pakistan, satu(1) dari Nigeria, satu(1) dari Mesir, satu(1) dari Kanada , satu(1) dari Sudan, satu (1) dari Vietnam, satu(1) dari China, satu(1) dari Bangladesh, satu(1) dari Jepun dan satu(1) dari Filipina.

## 11.3 MOBILITI PELAJAR DAN STAF (INBOUND DAN OUTBOUND)

Salah satu impak dariapda MoU di antara UniMAP dan rakan-rakan universiti adalah melibatkan program mobility pelajar. Program-program mobiliti yang dianjurkan adalah selaras dengan Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Keunggulan Global seterusnya membantu UniMAP melahirkan graduan yang standing dan dapat bersaing di persada antarabangsa.

### 11.3.1 MOBILITI PELAJAR (INBOUND)

| Bil. | Nama Program | IPT Asal Pelajar | Tarikh Program | Tempoh Program | Bil. Pelajar Terlibat |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | SRIT Inbound Mobility 2018 | Sri Ramakrishna Institute of Technology, Coimbatore-10, India | 19 Feb 2018 - 23 Feb 2018 | 6 hari | 21 |
| 2. | Program Mobiliti Inbound-Latihan Industri | Walailak University, Thailand | 24 Feb 2018 - 31 Mei 2018 | 14 minggu | 3 |
| 3. | Program Mobiliti Inbound-Latihan Industri | Thaksin University, Thailand | 4 Jun 2018 - 3 Ogos 2018 | 8 minggu | 3 |
| 4. | SRIT Inbound Mobility 2018 | Sri Ramakrishna Institute of Technology, Coimbatore, India | 25 Jun 2018 - 6 Jul 2018 | 12 hari | 29 |
| 5. | Communicative English Course | Nakhon Phathom Rajabhat University, Thailand | 28 Jun 2018 - 18 Jul 2018 | 2 minggu | 20 |
| 6. | Program Mobiliti Inbound UniMAP-UNTAN | Universitas Tanjungpura, Indonesia | 11 Okt 2018 - 13 Jan 2019 | 13 minggu | 4 |
| 7. | Postgraduate Research Attachment | Shandong University, China | 10 Ogos 2018 - 17 Ogos 2018 | 1 minggu | 1 |
| 8. | Program Mobiliti Inbound-Latihan Industri | Walailak University, Thailand | 12 Dis 2018 - 22 Mac 2019 | 14 minggu | 2 |

### 11.3.2 MOBILITI PELAJAR (OUTBOUND)

| Bil. | Nama Program | Lokasi | Tarikh Program | Tempoh Program | Bil. Pelajar Terlibat |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Japan-Asia Youth Exchange Program in Science (SAKURA Exchange Program in Science) | Kyushu Institute of Technolog, Japan | 21 Jan 2018 - 30 Jan 2018 | 3 minggu | 2 |
| 2. | 1st UniMAP- Korean Study Travel Programme | Dongeui University, Korea | 22 Jan 2018 - 12 Feb 2018 | 3 minggu | 8 |
| 3. | Japan East Asia Network of Exchange for Students and Youth Programme (JENESYS PROGRAMME) | University of Tokyo, Japan | 30 Jan 2018 - 6 Feb 2018 | 8 hari | 1 |
| 4. | Postgraduate Research Attachment | University of Bath, United Kingdom | 22 Feb 2018 - 11 Jun 2018 | 17 minggu | 1 |
| 5. | Student Exchange Program-Inha University | Inha University, Korea | 26 Feb 2018 - 22 Jun 2018 | 16 minggu | 1 |
| 6. | Khidmat Masyarakat dan Pendidikan | National Technical Training Institute, Phnom Penh, Cambodia | 31 Mac 2018 - 5 April 2018 | 5 hari | 20 |

| Bil. | Nama Program | Lokasi | Tarikh Program | Tempoh Program | Bil. Pelajar Terlibat |
|---|---|---|---|---|---|
| 7. | Postgraduate Research Attachment | National Tsing Hua University, Taiwan | 11 Jun 2018 - 11 Sept 2018 | 13 minggu | 1 |
| 8. | Postgraduate Research Attachment | National Tsing Hua University, Taiwan | 11 Jun 2018 - 10 Dis 2018 | 26 minggu | 1 |
| 9. | Academic Programme & Community Service in Vietnam | Ho Chi Minh City University of Technology, Vietnam | 25 Jun 2018 - 29 Jun 2018 | 5 hari | 29 |
| 10. | The Summer School 2018 in Bayreuth, Germany | University of Bayreuth, Germany | 30 Jun 2018 - 14 Julai 2018 | 2 minggu | 1 |
| 11. | International Industrial Internship Programme | Walailak University, Thailand | 26 Jun 2018 - 30 Ogos 2018 | 10 minggu | 2 |
| 12. | Program Mobiliti Outbound UniMAP-UNTAN | Universitas Tanjungpura, Indonesia | 3 Jul 2018 - 14 Ogos 2018 | 7 minggu | 6 |
| 13. | Asia Summer Program 2018 | Dongseo University, Korea | 9 Jul 2018 - 28 Julai 2018 | 3 minggu | 24 |
| 14. | Social Enterprise for Economic Development (SEED) 2018 | Institut Teknologi Bandung, Indonesia | 22 Jul 2018 - 1 Ogos 2018 | 2 minggu | 2 |
| 15. | Misi Sukarelawan Antarabangsa UniMAP-MASKUM-USU | Universiti Sumatera Utara, Indonesia | 2 Sept 2018 - 7 Sept 2018 | 6 hari | 7 |
| 16. | Joint Summer Program: Exploring The Diversity of Indonesia Coffee | Universitas Indonesia Yogyakarta, Indonesia | 10 Sept 2018 - 21 Sept 2018 | 12 hari | 1 |
| 17. | Postgraduate Research Attachment | University of Manchester, United Kingdom | 26 Sep 2018 - 2 Nov 2018 | 8 minggu | 1 |
| 18. | CommTECH Nusantara 2018 | Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Indonesia | 1 Dis 2018 - 10 Dis 2018 | 10 hari | 2 |




**Rajah 11.1: Analisa Program Mobiliti Mengikut Definisi Organisasi/Intrument Sepanjang Tahun 2018**




**Rajah 11.3: Analisa Mobiliti Inbound dan Outbound Mengikut Negara Sepanjang Tahun 2018**




**Rajah 11.2: Analisa Mobiliti Mengikut Pecahan Peringkat Pengajian Sepanjang Tahun 2018**




**Rajah 11.4: Analisa Mobiliti Inbound dan Outbound Mengikut Kategori Negara Sepanjang Tahun 2018**




**Rajah 11.5: Analisa Mobiliti Inbound dan Outbound Mengikut PPK dan PTj Sepanjang Tahun 2018**

## PROGRAM MOBILITI INBOUND



# PROGRAM MOBILITI OUTBOUND

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kyushu Institute of Technology, Japan | Japan-Asia Youth Program in Science (SAKURA Exchange Program in Science) | 21-30 Jan 2018 | 2 |
| Dongeui University, Korea | 1st UniMAP-Korean Study Travel Programme | 22 Jan – 12 Feb 2018 | 8 |
| University of Tokyo, Japan | Japan East Asia Network of Exchange for Students and Youth Programme (JENESYS PROGRAMME) | 30 Jan – 6 Feb 2018 | 1 |
| University of Bath, United Kingdom | Postgraduate Research Attachment | 22 Feb – 11 Jun 2018 | 1 |
| Inha University, Korea | Student Exchange Program-Inha University, Korea | 26 Feb – 22 Jun 2018 | 1 |
| National Technical Training Institute, Phnom Penh, Cambodia | Khidmat Masyarakat dan Pendidikan | 31 Mac – 5 April 2018 | 20 |
| National Tsing Hua University, Taiwan | Postgraduate Research Attachment | 11 Jun – 11 Sept 2018 & 11 Jun – 10 Dis 2018 | 2 |
| Ho Chi Minh City University of Technology, Vietnam | Academic Programme & Community Service In Vietnam | 25-29 Jun 2018 | 29 |
| University of Bayreuth, Germany | The Summer School 2018 In Bayreuth, Germany | 30 Jun – 14 Jul 2018 | 1 |
| Walailak University, Thailand | International Industrial Internship Programme | 26 Jun – 30 Ogos 2018 | 2 |
| Universitas Tanjungpura, Indonesia | Program Mobiliti Outbound UniMAP-UNTAN | 3 Jul – 14 Ogos 2018 | 6 |
| Dongseo University, Korea | Asia Summer Program 2018 | 9 – 28 Jul 2018 | 24 |
| Institut Teknologi Bandung, Indonesia | Social Enterprise for Economic Development (SEED) 2018 | 22 Jul – 1 Ogos 2018 | 2 |
| Universiti Sumatera Utara, Indonesia | Misi Sukarelawan Antarabangsa UniMAP-MASKUM-USU | 2 – 7 Sept 2018 | 7 |
| Universitas Indonesia, Indonesia | Joint Summer Program: Exploring The Diversity of Indonesia Coffee | 10 – 21 Sept 2018 | 1 |
| University of Manchester, United Kingdom | Postgraduate Research Attachment | 26 Sept – 2 Nov 2018 | 1 |
| Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia | CommTECH Nusantara 2018 | 1 – 10 Dis 2018 | 2 |

**Asia Summer Program 2018**
**Dongseo University, Korea**
9-28 Julai 2018

PERLIS, 9 Julai - Seramai 24 orang pelajar Universiti Malaysia Perlis daripada pelbagai bidang pengajian telah terpilih untuk mengikuti *Asia Summer Program (ASP) 2018* di Dongseo University, Busan, Korea. Program selama tiga minggu ini bermula dari 8 - 27 Julai 2018, melibatkan seramai lebih kurang 400 orang pelajar daripada 31 buah universiti yang datangnya daripada 12 negara. Negara-negara tersebut adalah Malaysia, Indonesia, Taiwan, China, Filipina, Thailand, Bangladesh, Korea, Jepun, Singapura, Vietnam dan Lithuania. Program ASP adalah program mobiliti berkredit yang menawarkan peluang unik kepada pelajar untuk mengikuti pengajian dan pembelajaran serta menimba pengalaman di dalam suasana antarabangsa.

Pemilihan tenaga pengajar bagi program ASP 2018 juga adalah agak berbeza daripada tahun-tahun yang lepas kerana penawaran kursus bagi program ini ditentukan oleh permintaan pelajar-pelajar yang menyertai Program ASP 2018 sendiri. Daripada proses pemilihan tersebut, seramai dua orang tenaga akademik UniMAP telah berjaya dipilih sebagai tenaga pengajar bagi dua kursus daripada sejumlah 52 kursus yang ditawarkan. Mereka ialah Profesor Dr. Rosni Bakar, Pengarah Pusat Pengkomersilan Harta Intelek (CIPC) dan Dr. Nor'Izah Ahmad, Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM). Semua kursus yang ditawarkan adalah dikendalikan oleh tenaga akademik yang terpilih daripada universiti-universiti yang mengambil bahagian di dalam program ini.

Pelajar-pelajar yang menyertai program ini, diwajibkan mendaftar diri dan hadir di dalam dua kursus yang dipilih oleh mereka sendiri. Kursus-kursus tersebut dijadualkan setiap hari (Isnin hingga Jumaat), dari jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang. Selain daripada menghadiri kuliah, pelbagai aktiviti juga telah disediakan kepada para peserta seperti lawatan, *Korean Cultural Event*, *Sports Day*, *Movie Night* dan juga aktiviti-aktiviti harian lain yang diadakan di waktu petang selepas kuliah.

Menurut Vinod Kumar, pelajar tahun dua bidang Bioteknologi Industri, selain daripada mendapat ilmu daripada kursus yang didaftarnya, program ini juga telah meningkatkan kefahaman beliau tentang erti hidup berintergrasi dan toleransi antara kaum serta dapat mengenalli adat dan budaya bangsa lain melalui pergaulan beliau dengan peserta daripada berbagai negara. Di dalam program ASP ini, setiap pelajar dimestikan berkongsi bilik dengan seorang pelajar dari negara lain. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, setiap pelajar terpaksa belajar untuk hidup bertoleransi, mengenali serta menghormati budaya dan ugama bangsa lain.

Sementara itu, Arina Izaati pelajar tahun dua bidang Bioproses, yang juga merupakan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), berasa syukur dan berterima kasih kepada UniMAP kerana telah memberikan peluang kepada beliau untuk menyertai program ASP 2018. Program ini telah memberi peluang kepada beliau untuk berkongsi keunikan budaya Malaysia di platform ASP.

Keseluruhannya, pelajar-pelajar UniMAP secara aktif mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti kesenian, sukan dan riadah yang ditawarkan oleh penganjur dan tuan rumah program ASP. Mereka menunjukkan semangat dan kesungguhan di dalam setiap aktiviti yang diceburi serta meraih kejayaan di dalam setiap pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ASP 2018. Untuk tujuan keterlihatan kesatuan masyarakat majmuk Malaysia, pelajar-pelajar UniMAP akan menampilkan tarian budaya Malaysia di dalam majlis persembahan pelajar-pelajar ASP.





**Bengkel Pelan Strategik Pengantarabangsaan Unimap 2019-2021 Dewan Sri Angsana, Hotel Edc UUM**
11 Oktober 2018






Satu bengkel Pelan Strategik Pengantarabangsaan UniMAP 2019-2021 telah diadakan pada 11 Oktober 2018, bertempat di Dewan Sri Angsana, Hotel EDC UUM, Sintok Kedah. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Rezuwan Kamaruddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Peserta adalah terdiri daripada Dekan-dekan dan Ketua Jabatan PPK/PTj yang dijemput. Bengkel ini bertujuan untuk menentukan hala tuju agemda pengantarabangsaan university, mengenalpasti inisiatif pengantarabangsaan dan menjadualkan pelaksanaan inisiatif. Di akhir bengkel ini, maklumat-maklumat yang dikumpulkan akan digunakan untuk menerbitkan sebuah dokumen Pelan Strategik untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada warga UniMAP.

**Program Mobiliti Berkredit-Latihan Industri**
4 Jun 2018 - 3 Ogos 2018

Seramai 3 orang pelajar dari Walailak University, Thailand menjalani Latihan Industri di PPK Komputer & Perhubungan.






**SRIT Inbound Mobility 2018**
25 Jun - 6 Jul 2018

Seramai 29 orang pelajar dari Sri Ramakrishna Institute Technology, Coimbatore-10 India telah membuat lawatan akademik di UniMAP. Pusat-pusat pengajian yang terlibat adalah PPK Mekatronik, PPK Komputer & Perhubungan, PPK Alam Sekitar dan PPIPT.





## Communicative English Course

28 Jun - 18 Jul 2018

Program Communicative English Course telah diadakan di UniMAP yang disertai oleh pelajar dari Nakhon Pathom Rajabhat University, Thailand. Program ini dianjurkan oleh Pusat Bahasa Antarabangsa.






## 1st UniMAP-Korean Study Travel Programme

22 Jan - 12 Feb 2018
Dongeui University, Korea

Seramai lapan orang pelajar dari PPK Bahan telah menyertai 1st UniMAP-Korean Study Travel Programme pada 22 Jan - 22 Feb 2018 bertempat di Dongeui University, Korea. Program ini membolehkan pelajar mempelajari bahasa korea di persekitaran yang lebih menarik, memahami budaya korea dan merasai pengalaman berada di negara tersebut.




## Exchange Students UniMAP - UNTAN Industrial Training

30 Jun - 14 Ogos 2018
Pelajar PPIPT





## CommTECH Nusantara 2018

1 - 10 Disember 2018
Institut Teknologi Bandung, Indonesia.





## 11.3.3 MOBILITI STAF (OUTBOUND)

| Bil. | Nama | Fakulti | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dr. Norshah Aizat bin Shuaib | FTK | Surabaya, Indonesia | 23/1/2018 - 7/2/2018 |
| 2. | Dr. Muzammil bin Jusoh | PPK Komputer & Perhubungan | France | 24/1/2018 - 11/2/2018 |
| 3. | Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad | Mikroelektronik | United Kingdom | 10/2/2018 - 28/2/2018 |
| 4. | Dr. Norshamsuri bin Ali@ Hasim | Mikroelektronik | Poland | 26/2/2018 - 13/3/2018 |
| 5. | Mohd Hafis bin Sulaiman | Mekatronik | Nagoya, Japan | 3/3/2018 - 17/3/2018 |
| 6. | Prof. Madya Dr. Ong Hui Lin | Bahan | De La Salle University, Manila, Filipina | 19/3/2018 - 18/4/2018 |
| 7. | Dr. Norshamsuri bin Ali@ Hasim | Mikroelektronik | Nicolas Copernicus University, Torun, Poland | 7/5/2018 - 25/5/2018 |
| 8. | Prof. Madya Dr. Ong Hui Lin | Bahan | Universiti Kebangsaan Chiao Tung, Hsinchu, Taiwan | 1/7/2018 - 31/7/2018 |
| 9. | Dr. Zul-Atfi bin Ismail | Alam Sekitar | RMIT University, Melbourne, Australia | 6/7/2018 - 21/7/2018 |
| 10. | Prof. Dr. Rosni Bakar | Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan | Dongseo University, Busan, Korea | 9/7/2018 - 28/7/2018 |
| 11. | Dr. Nor'izah Ahmad | iKOM | Dongseo University, Busan, Korea | 9/7/2018 - 28/7/2018 |
| 12. | Dr. Ammar Zakaria | Mekatronik | University of Yamanashi, Japan | 22/7/2018 - 11/8/2018 |
| 13. | Prof. Madya Dr. Latifah Munirah Kamarudin | Komputer & Perhubungan | University of Yamanashi, Japan | 22/7/2018 - 11/8/2018 |
| 14. | Dr. Yuzairi bin Abdul Rahim | Pembuatan | University of Yamanashi, Japan | 22/7/2018 - 11/8/2018 |
| 15. | Prof. Dr. Abdul Hamid Adom | Mekatronik | University of Yamanashi, Japan | 22/7/2018 - 11/8/2018 |
| 16. | Siti Nurul Aqmariah Mohd Kanafiah | Mekatronik | University of Yamanashi, Japan | 22/7/2018 - 11/8/2018 |
| 17. | Muhammad Faheem bin Mohd Tahir | Ppk Bahan | National Technical University of Athens, Athens Greece | 1/9/2018 - 30/10/2018 |
| 18. | Dr. Shahrir Rizal bin Kasjoo | PPK Mikroelektronik | University of Manchester, United Kingdom | 24/9/2018 - 2/11/2018 |
| 19. | Suraiya binti Ibrahim | Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan | School of Accounting, Waseda University, Tokyo, Jepun | 29/9/2018 - 1/11/2018 |
| 20. | Dr. Ong Hui Lin | PPK Bahan | Universiti Kaohsiung Kebangsaan Sains Dan Teknologi, Kaohsiung, Taiwan | 22/11/2018 - 21/12/2018 |
| 21. | Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim | Institut Kejuruteraan Nano Elektronik | CZECH Technical University, Prague | 11/11/2018 - 3/12/2018 |

## 11.3.4 MOBILITI STAF (INBOUND)

| Bil. | Nama | Negara Asal | Lokasi di UniMAP | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dr. Naseer Sabri Salim | Iraq | UniMAP / ACE (PPK Komputer & Perhubungan) | 1/4/2018 - 31/3/2019 |
| 2. | Dr. Samir Salem Omair Al-Bawri | Yemen | UniMAP / ACE (PPK Komputer & Perhubungan) | 1/4/2018 - 31/3/2019 |
| 3. | Dr. Thikra Sabbar Dhahi | Iraq | UniMAP / INEE | 1/7/2018 - 31/12/2018 |

## 11.4 LAWATAN UNIVERSITI/INSTITUSI LUAR NEGARA KE UniMAP 2018

| Bil | Delegasi | Tarikh | PTj Terlibat | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Universitas Pancabudi Medan, Indonesia | 22 Januari 2018 | PHEA | 98 peserta termasuk Rektor dan pensyarah menyertai lawatan ini untuk mendalami persefahaman mengenai pertukaran akademik di antara universiti. |
| 2. | Walailak University Thailand | 10 Februari 2018 | PHEA | Seramai 32 orang pelajar dan staf daripada telah menghadiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (Zon Utara). |
| 3. | Kedutaan Iraq di Kuala Lumpur | 21 September 2018 | Pejabat TNCAA, BPA<br>PHEA | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Rezuwan Kamaruddin telah mengadakan kunjungan hormat ke Kedutaan Iraq bagi membincangkan beberapa perkara untuk UniMAP disenaraikan sebagai universiti yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Iraq. |
| 4. | Konsulat Jenderal Republik Indonesia Pulau Pinang | 8 Oktober 2018 | Pejabat Naib Canselor<br>PHEA | Kunjungan hormat dari Ketua Konsul Jenderal, TYT Bapak Irwanshah Wibisono dari Konsulat Jenderal Republik Indonesia, Pulau Pinang. Beliau hadir bersama delegasi pejabat Konsulat, iaitu Konsul Pensosbud, Ibu Nikki dalam rangka bertemu Naib Canselor UniMAP. |
| 5. | Institut Teknologi Medan Indonesia | 10 Oktober 2018 | PPKKP<br>PHEA | Kunjungan hormat dari Institut Teknologi Medan (ITM) Indonesia yang diketuai oleh Rektor, Ir. Dr. Mahrizal Masri dan Ir. Dr. Hermansyah Alam, Ir. Dr. Muhammad Irwanto dan Ir. Dr. Cut Nuraini. |
| 6. | Malayan Colleges Laguna Filipina | 26 Oktober 2018 | PPK Bahan<br>PHEA | Kunjungan hormat dari Malayan Colleges Laguna, Cabuyao City, Laguna, Filipina oleh Naib Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Mr Dennis H. Tablante bertujuan menjalin serta mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua universiti dalam pelbagai bidang pendidikan. |
| 7. | Hi-Tea Tetamu Antarabangsa Bersama Pengurusan Tertinggi | 26 Okt 2018 | PHEA<br>Pejabat Naib Canselor | Pada 26 Oktober 2018, satu majlis tertutup 'Hi-Tea' dianjurkan bagi memberi ruang kepada Pengurusan Tertinggi dan Dekan-Dekan untuk mengenali dengan lebih rapat dan memberi penghargaan kepada tetamu-tetamu antarabangsa yang hadir sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP. |
| 8. | Majlis Santapan Malam sempena Istiada Konvokesyen ke-13 | 26 Okt 2018 | PHEA<br>Pejabat Naib Canselor | DYTM Canselor Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan dan DYTM Pro-Canselor Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan bercemar duli berangkat ke majlis tersebut.<br>Turut hadir ialah Naib Presiden Malayan Colleges Laguna, Filipina, Engr. Dennis H. Tablante, Rektor Institut Teknologi Medan, Indonesia, Ir. Dr. Mahrizal Masri, Presiden Nakhon Pathom Rajabhat, Thailand, Dr. Wirat Pinkeaw, Naib Presiden Tiba University, Mesir, Prof. Ahmed Seddik, Naib Presiden, Prince of Songkhla University, Thailand, Dr Bordin Waelateh, Penolong Presiden, Rajamangala University of Technology Srivijaya, Thailand, Asst. Prof. Dr. Ong-Arge Insung, Penolong Presiden Thaksin University, Thailand, Dr. Thaweesak Putsukee. |
| 9. | UNINET | 15 Nov 2018 | UTeM<br>UNSYIAH | 100 Million Bulb Programme for ASEAN. 30 pelajar UniMAP menyertai program ini di bawah keanggotaan UNINET. |
| 10. | Liverpool John Moores University United Kingdom | 29 Nov 2018 | CEGeog Tech<br>PHEA | Kunjungan hormat Prof. David Harvey dan Dr Guangming Zhang dari Liverpool John Moores University, United Kingdom untuk membincangkan tentang The Newton Prize bagi membina perkongsian penyelidikan dan inovasi dengan 18 negara rakan kerjasama. |
| 11. | IIB Darmajaya Indonesia | 21 Disember 2018 | PHEA | Delegasi IIB Darmajaya diketuai oleh Rektor, Ir Firmansyah Yunialfi dan diiringi oleh Profesor Dr. Zulkarnain Lubis, Naib Rektor Pembangunan dan Kerjasama, Ibu Novita dan Bapak Anggi Andriyadi. Pertemuan singkat itu bertujuan membincangkan kerjasama strategik akademik yang boleh dijalinkan menerusi universiti-universiti swasta di Indonesia. |
| 12. | Babaker Trading & Contracting Riyadh | 26 Disember 2018 | PHEA | Delegasi Babaker Trading & Contracting hadir bagi membincangkan dengan lebih lanjut Memorandum Perjanjian yang bakal dimeterai tahun hadapan. |
| 13. | University Of Plymouth, United Kingdom | 28 Disember 2018 | CEGeoGTech<br>PHEA | Kunjungan hormat Prof. Long Yuan Li dari University of Plymouth, United Kingdom. Prof. Li adalah penyelidik bersekutu di bawah geran penyelidikan EU Horizon 2020 di Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau - CEGeogTech, UniMAP. |

## 11.5 LAWATAN UniMAP KE UNIVERSITI/INSTITUSI LUAR NEGARA2018

| Bil | Universiti/Institusi | Tarikh | PTj Terlibat | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Promosi 'Ayo Kuliah' Di UniMAP | 13-14 Okt 2018 | PHEA<br>PPS | AYO KULIAH DI UniMAP! telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta selama dua (2) hari iaitu pada 13-14 Oktober 2018. Promosi tersebut disertai oleh staf Pusat Hal Ehwal Antarabangsa dari Unit Visa dan Pas Pelajar, Puan Norjuliana Johari dan wakil dari Pusat Pengajian Siswazah UniMAP |
| 2. | Jagiellonian University, Krakow Poland | 19 Nov 2018 | Pejabat Naib Canselor<br>Pejabat TNC<br>HEPA<br>PHEA | Delegasi UniMAP telah disambut di Collegium Novum oleh Rektor JU Prof. Wojciech Nowak. JU juga diwakili oleh Naib Rektor Dana Penyelidikan dan Struktur, Prof. Stanisław Kistryn, Naib Dekan Pendidikan Hal Ehwal Pendidikan Fakulti Antarabangsa dan Pengajian Politik, Prof. Paweł Laidler, serta ketua beberapa unit lain.<br>Fokus khusus diberikan pada hubungan universiti dengan institusi pengajian tinggi Poland, dengan penekanan khusus pada mobiliti pelajar. |
| 3. | Lodz Technical University, Poland | 20 Nov 2018 | Pejabat Naib Canselor<br>Pejabat TNC<br>HEPA<br>PHEA | Majlis menandatangani dokumen Erasmus Plus - mobiliti staf akademik antara UniMAP dan Lodz Technical University Poland |
| 4. | Medical University Warsaw, Poland | 21 Nov 2018 | Pejabat Naib Canselor<br>Pejabat TNC<br>HEPA<br>PHEA | Delegasi UniMAP meluangkan sedikit masa melawat ke Medical University Warsaw, Poland. Turut hadir pada lawatan tersebut ialah Duta Besar Malaysia ke Republik Poland, TYT Puan Chitra Devi Ramiah |
| 5. | University of Warsaw, Poland | 21 Nov 2018 | Pejabat Naib Canselor<br>Pejabat TNC<br>HEPA<br>PHEA | Lawatan dan kunjungan hormat ke University of Warsaw Poland yang diketuai oleh Pengarah PHEA, Dr. Salsuwanda Selamat bagi membincangkan tentang kolaborasi berkaitan mobiliti pelajar. |
| 6. | Katholieke Universiteit Leuven, Belgium | 22 Nov 2018 | Pejabat Naib Canselor<br>Pejabat TNC<br>HEPA<br>PHEA | Lawatan ke Katholieke Universiteit (KU) Leuven disambut oleh Penasihat Dasar Kanan di Pejabat Antarabangsa, Encik Sander Van de Gaer. Satu mesyuarat telah diadakan dengan Naib Rektor Dasar Antarabangsa, Prof. Peter Lievens dan Ketua Pejabat Antarabangsa, Dr. An Descheemaeker. Lawatan ini diiringi oleh Setiausaha Pertama (Hal Ehwal Politik) Kedutaan Besar Malaysia di Belgium, En. Khornelisman Jasri. |